

ISSUE #56/5 OKTOBER 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



Srikandi

GLOBAL SUMUD FLOTILLA



KESATERIA WANITA SUMUD INSAN TERPILIH, MALAYSIA BANGGA SAMBUT KEPULANGAN KALIAN

Malaysia khasnya dan dunia umumnya sedang merayakan pembebasan barisan aktivis daripada tahanan Angkatan Tentera Israel (IDF) selepas 'menawan' kapal-kapal Global Sumud Flotilla (GSF) daripada menyalurkan bantuan makanan dan perubatan buat saudara kita di Gaza, Palestin.

Antara yang dibebaskan sepenuhnya adalah 23 orang sukarelawan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Dan paling mendapat perhatian adalah aktivitis wanita yang kini masih berada di Istanbul selepas menaiki pesawat khas kerajaan Turkiye TK6921 dari Lapangan Terbang Ramon, Israel.

Sekadar menyebut beberapa nama aktivis wanita Malaysia ; Farah Lee, Heliza Helmi, Hazwani Helmi, Zizi Kirana, Ardell Aryana, Nur Ilham Fansuri dan Ilylia Balqis - kalian adalah Kesateria Wanita Sumud.

Kalian adalah tokoh protagonis atau watak sentral dalam misi pelayaran GSF kali ini yang membawa mesej kemanusiaan dan keperkasaan seorang wanita ; bahawa gender bukan 'apa-apa' berbanding empati yang membara.

Dilayan seperti binatang, dinafikan menikmati makanan malah menghina Islam dengan menanggalkan tudung, kesemua Kesateria Wanita Sumud ini langsung tidak gentar.

Mereka malah semakin berani dan terbakar api semangat untuk terus memperjuangkan bukan hanya maruah Islam tetapi sisa-sisa rakyat Palestin yang kebanyakannya telah meninggal dunia kerana kekejaman rejim Zionis.



Kepada Israel, kesateria wanita kita menunjukkan keberanian dengan lantang. Ardell misalnya yang dipercayai mengalami penganiayaan dengan tudung ditanggalkan - menggantikan hijab yang menjadi kewajipan wanita Muslim dengan pakaian diikat rapi tanpa memperlihatkan walau sehelai rambutnya.

Manakala kesateria wanita Malaysia yang lain pula, penuh 'berahi' melaknat Israel. Penahanan dan penyiksaan yang mereka lalui tidak seinci membunuh semangat membela nasib Palestin.

Bersama Kesateria Wanita Sumud dari Malaysia ini, teguhnya seorang srikandi muda berjiwa besar asal Sweden, Greta Thurnberg yang turut ditahan IDF.

Beliaulah mastermind di sebalik pelayaran maritim terbesar dalam menyampaikan mesej kemanusiaan bersama bantuan buat Gaza kali ini.

Baru berusia 22 tahun, seorang penghidap sindrom Asperger

- satu bentuk autisme, Thurnberg langsung bukan Islam tetapi sebagai manusia, empatinya menewaskan racism dan agama.

Jiwa mudanya cukup menggebu dan luar biasa demi melihat dunia pada masa depan lebih sejahtera.

Malah pada saat rakan Kesateria Wanita Sumud sudah selamat daripada cengkaman Israel, Thurnberg seperti dilaporkan agensi berita dunia didakwa sedang menerima layanan buruk dan didera IDF ; dipaksa mencium bendera Israel dan disumbat ke bilik penuh pijat.

Bersyukurlah wahai rakyat Malaysia. Sambutlah dengan lapang dada kesemua aktivis kita yang dijangka pulang ke Malaysia dalam tempoh 24 jam selepas disantuni dan menerima rawatan terbaik dari kerajaan Turki.

Sambutlah Kesateria Wanita Sumud yang telah melalui pelbagai cabaran, dugaan dan pengalaman luar biasa di sepanjang perjuangan mereka sejak membela samudera lebih sebulan lalu.

Jangan dipertikai misi mereka. Diam jika tiada perkara baik untuk dikongsikan. Sambut dan raikan dengan doa-doa bertebaran - itu sudah cukup membuktikan solidariti buat kita yang masih selesa di rumah menanti berita perjuangan mereka.

Sementelah, apa ada pada persepsi kerana naratif sebenar hanya mereka yang lalui. Dan jangan berhenti berdoa serta putus harapan terhadap Palestin. 'Free, Free, Palestine!'



Isra%l Tak Gentle, Dengan Misi Makanan, Perubatan & Mesej Kemanusian GSF Pun ‘Kalut’

Sumud adalah kata pinjam daripada bahasa Arab yang membawa maksud teguh, tabah dan tahan. Kemudian apabila ditambah dengan imbuhan awal atau akhir ia membawa erti keteguhan, ketabahan dan ketahanan.

Memilih satu terma yang cukup kuat definisinya, Global Sumud Flotilla adalah sebuah kembara perjuangan yang cukup luar biasa.

Kembara Global Sumud Flotilla bukan hanya tentang ketabahan dan kekentalan orang Islam dalam membantu rakyat Palestin atau penduduk Gaza tetapi ia perjalanan yang membawa empati manusia daripada pelbagai agama dan kepercayaan di seluruh dunia.

Al Jazeera melaporkan Global Sumud Flotilla atau GSF memulakan perjuangan pada 31 Ogos di Sepanyol.

GSF diberisi lebih 500 aktivis dari 44 negara. 34 daripada sukarelawan atau aktivis yang terlibat adalah rakyat Malaysia.

Sepanjang pelayaran, GSF telah melalui pelbagai ancaman dari dron oleh laknat Israel; antaranya pada tarikh 8, 9 dan 23 September 2025.

Malah saat delegasi memasuki zon merah awal Oktober 2025, satu persatu kapal dipintas. Aktiviti yang berjiwa besar semua ditangkap tentera Israel.

Ironi, misi GSF adalah menghantar bantuan makanan dan menyalurkan sumbangan kepada rakyat Palestin yang tinggal sisa — setelah banyak nyawa tidak berdosa dibunuh kejam dan Palestin muh dilenyapkan daripada peta dunia.

GSF yang melibatkan individu-individu berjiwa besar bukan hanya Islam tetapi empati demi kemanusiaan ini tidak membawa peluru atau apa sahaja senjata yang boleh memusnahkan Israel sekilip mata.

Namun lucu, Israel begitu takut dengan pelayaran GSF sehingga jika dunia tidak memerhati misi maritim terbesar ke Gaza ini setakat ini, barangkali kesemua kapal-kapal yang membawa jihad besar manusia dari seluruh dunia ini telah lama dilenyapkan dari radar sebelum berjaya memasuki zon kuning apa lagi gagah berani membela lautan di kawasan zon merah.

Kesemua informasi tentang pelayaran penuh debar ini disebar baik oleh jaringan pengguna pelbagai platform media sosial.

Tidak kira bangsa, agama, usia atau generasi, semua memainkan peranan cukup penting. Menyebar dan saling bertukar maklumat serta perkembangan tentang GSF beserta doa yang tidak putus agar keselamatan dan misi murni mereka berjaya dilaksana.

Seluruh dunia ikuti perkembangan misi hebat GSF ini. Seluruh dunia ikut berdoa kerana tahu GSF tidak berbahaya.

Dan seluruh dunia melaknat tindakan Israel yang memintas misi kemanusiaan ini malah manafikan bantuan makanan dan perubatan yang dibawa untuk diberikan kepada rakyat Palestin di Gaza.

Israel, naratif yang dibawa pada dunia sebagai gagah - bersama bedilan demi bedilan dan serangan demi serangan menghancurkan bumi Palestin tidak berdosa.

Walhal, Israel sungguh pengecut — dengan misi bantuan yang hanya diwakili sukarelawan dalam pelbagai latar belakang seperti aktivis, pesara, belia untuk menghantar makanan, ubat-ubatan dan mesej kemanusian pun takut.

Buat GSF, tetaplah bertahan kerana kami teguh bersama kalian — lewat doa doa yang bertebaran di tiup angin bersama membela samudera demi Gaza dan Palestin.

Kisah Cinta ‘Garam Di Laut, Asam Di Darat’ Selebriti Malaysia

Pepatah menyebut ‘garam di laut, asam di darat, di dalam belangga bertemu jua’ yang membawa maksud jodoh daripada benua berbeza atau latar budaya, bukan pertama kali terjadi dalam kalangan selebriti Malaysia.

Jika dunia seni tanah air dan peminat baru meraikan perkahwinan di antara Sabronzo, salah seorang anggota Dolla dengan DJ Dash Berlin di Bali, Indonesia dengan penuh gembira, ironi ramai selebriti tempatan yang juga ‘bersatu’ dengan pasangan bukan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jom kita lihat siapa sahaja selebriti Malaysia yang menikah dengan pasangan seperti pepatah ‘garam di laut, asam di darat, di dalam belangga bertemu jua’.



ledil Putra & Prisia Nasution



Azah Aziz & Daud Leroy



Lana Nordin & Daud McKenzie



Jaclyn Victor & Calvin T. Samuel

Pelakon ledil Dzuhrie atau ledil Putra berkahwin dengan pelakon dan model dari Indonesia, Prisia Nasution, pada 1 Jun 2016.

Pasangan yang pernah melalui fasa ‘sukar’ kerana pelaksanaan perintah kawalan (PKP) kerana COVID 19 melangsungkan pernikahan di Bogor, Indonesia.

Kini mereka berulang alik antara Jakarta dan Kuala Lumpur yang disifatkan ledil sebagai hal bertuah kerana dia memiliki ‘dua tempat tinggal’ dalam satu masa.

Azah Aziz adalah aktres senior yang menikah dengan warganegara Perancis, Daud Leroy pada Januari 1995.

Usia perkahwinan mereka baru mencecah 30 tahun dengan dikurniai tiga anak.

Berjaya mengekalkan rumah tangga dengan baik meski berbeza latar budaya, kata Azah, 52, antara kuncinya adalah jangan terlalu cemburu.

Pasangan itu kini malah tinggal di dua negara berbeza. Azah berada di Malaysia sementara suami menetap di Dubai bersama anak kedua mereka.

Pelakon Lana Nordin selamat bergelar isteri kepada seorang warganegara Amerika Syarikat (AS), Mohd Daud McKenzie pada tahun 2015.

Tahun ini merupakan ulang tahun ke-10 pasangan yang telah dikurniai sepasang cahaya mata iaitu Gia Quinn McKenzie dan William Daud McKenzie.

Jaclyn Victor telah melangsungkan perkahwinan kali kedua bersama Calvin T. Samuel dalam satu majlis tertutup pada 25 Mei 2025.

Calvin adalah seorang pensyarah yang berasal daripada Barbados dan merupakan duda dua anak yang menetap di United Kingdom.

Jaclyn sebelum ini pernah mendirikan rumah tangga dengan penyanyi Amerika Syarikat, Shawn Rivera pada 2014, perkahwinan itu berakhir pada 2019.

Hasil daripada perkahwinan itu, mereka dikurniaikan dua cahaya mata, Jonah, 10, dan Molly, 8.



Elite Tidak Tinggalkan Trauma

Jauh sebelum generasi kini mengenali Dolla atau De Fam dan tembang-tembang hit mereka, industri muzik tempatan terlebih dahulu dihadirkan dengan lima wanita yang digelar sebagai Elite.

Elite yang dianggotai Abby Abadi, Azza Zawari, Linda Rafar, Sasha Saidin dan Watie Sadali ditubuhkan oleh KRU Records pada tahun 1995.

Baca sekali lagi — Elite ditubuhkan pada tahun 1995. Kini kita berada di tahun 2025.

Dan apabila mereka bersatu, kembali ke panggung menerusi Konser Elite Live '25 yang berlangsung Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) minggu lalu, tentu sahaja tidak adil untuk membuat perbandingan Elite pada zaman kegemilangan dengan Elite saat ini — yang kebanyakan daripada mereka telah bertahun-tahun meninggalkan bidang nyanyian.

Jadi mari kita raikan kegigihan, semangat dan perjuangan Elite kembali ke panggung menyanyi dan berdansa khusus untuk menghiburkan peminat mereka. Sebagai pendengar muzik yang lahir dalam generasi milenial tentu sahaja konsert

Elite yang dibawakan oleh Icon Entertainment by Iman Tang itu sesuatu yang membawa peminat masuk ke terowong masa dan pulang ke masa silam.

Apa lagi saat mereka mendendangkan tembang yang telah menjadi 'lagu kebangsaan' peminat seperti Tampan Wanita, Manis Senyumanmu, Di Pintu Syurga, Sesuatu Dalam Dirimu dan Trauma secara langsung selepas lebih satu dekad dirakamkan, ia memberi kepuasan kepada semua yang hadir.

Sekurang-kurangnya, Konser Elite Live '25 tidak meninggalkan trauma. Ia masih dinikmati dengan baik oleh lebih 2,000 peminat yang hadir.

Sekurang-kurangnya, Elite juga belajar dan mengenal lanskap serta pasaran baharu dunia muzik yang berkembang menerusi kuasa tular, bukan lagi hasil membeli kaset, menghafal 10 lagu macam buat kerja sekolah.

Dan sekurang-kurangnya pasca konsert, Elite mungkin kembali ke persada seni kerana masih relevan atau sudah boleh menikmati hidup sebagai 'acik-acik' yang lebih tenang serta aman - jauh daripada toksik (meminjam gelaran generasi kini). - MALIAH SURIP

GEMPAK SINEMA



Pengarah: Ahmad Idham

Pelakon: Sophia Albarakkah, Riezman Khuzaimi, Khatijah Tan, Sharifah Shahira

Genre: Seram

Dr. Izara adalah seorang doktor estetik yang percaya kepada usaha keras untuk mengecapi kejayaan. Neneknya, Bok Miah, percaya ilmu hitam adalah jalan pintas untuk mengecapi kejayaan dan kebahagiaan cucunya. Konflik bertambah rumit apabila perbezaan kepercayaan ini mengakibatkan konflik keluarga dan rumah tangga Izara bersama Aidan. Adakah Izara akan berpegang pada prinsipnya atau mengikut kehendak neneknya?

Pengarah: Zhao Linshan

Pelakon: Wang Zhiwen, Wu Jiang, Irene Wan

Genre: Drama/Thriller/Perang

Berpandukan rekod sejarah sebenar, filem ini membongkar kekejaman mengerikan yang dilakukan oleh Unit 731 Jepun di Harbin, China ketika Perang Dunia Kedua. Filem ini mendedahkan eksperimen perang biologi yang menakutkan serta ujian ke atas manusia secara tidak berperikemanusiaan yang dijalankan secara rahsia. Unit ini menjadi pangkalan terbesar di dunia bagi eksperimen perang biologi dan kimia ke atas manusia.

Unit 731 menjalankan eksperimen hidup yang kejam, menjadikan ramai individu mangsa tragis. Antara kekejaman itu termasuklah penyebaran wabak taun dan kolera, ujian radang dingin, pendedahan kepada gas beracun, malah pembedahan viviseks tanpa bius.

Pengarah: Yandy Laurens

Pelakon: Sheila Dara Aisha, Dion Wiyoko, Goran Bogdan

Genre: Drama

Kehidupan Jonathan amat sunyi dan sering diabaikan, sehingga hadir seorang wanita misteri yang memperkenalkan diri sebagai Sore, isterinya dari masa depan. Kehadiran Sore ternyata mengubah hidup Jonathan dan mengubah persepsi terhadap cinta, takdir dan makna kehidupan. Melalui hubungan mereka, Jonathan menemui dunia yang penuh keajaiban. Namun, apabila pelbagai rahsia mula terbongkar, kisah cinta luar biasa mereka berdepan ujian terhebat.

Gempak Most Wanted Menyaksikan Pelbagai Nama Hebat Mendominasi Carta Trending.

Dalam kategori Lagu Trending, Break nyanyian Misha Omar mengungguli senarai, manakala Hael Husaini dengan Alangkah meraih tempat pertama kategori Video Muzik Trending.

Dunia pencipta digital turut meriah dengan Nana Lee (Beauty & Fashion), Tcer Nana (Lifestyle), Steph Beauty (Entertainment) dan Dibo (Sports) menduduki takhta masing-masing.

Untuk hos digital pula, Rashdan Samsudin mengetuai senarai kali ini.

Sementara itu, drama Setia Itu Mahal terus menjadi pilihan nombor satu penonton manakala Meerqueen pula dinobatkan sebagai selebriti paling trending minggu ini.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda! Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

1. Kisah Penuh Kecewa - Ernie Zakri, Anggi Marito
2. Beri Sedikit Waktu - Khai Bahar
3. Sesal - Dato' Sri Siti Nurhaliza
4. Cak Cak Cekuk - Wani Kayrie
5. Renjana - Shiha Zikir

TOP 5 Digital Creator Trending (Motivation & Education)


1. Reina Lum
2. Hafiz Baharuddin
3. BeDiae Ustaz Amar
4. Nora Mun
5. Osman Affan

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Sekys
2. Ankel S4m
3. Dibo
4. Rose
5. Ica

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Shabina
2. Sonic Webs
3. Warn
4. High Zoom
5. Risk Saidon



Get Ready Tisu! Filem ‘3 Hajat’ Lakonan Mantap Eman Manan & Amerul Affendi Buat Penonton Menangis.



Filem arahan Zul Huzaimy berjudul 3 Hajat bakal menemui penonton di 70 pawagam seluruh negara bermula 2 Oktober 2025.

Kerjasama KRU Studios dan Astro Shaw ini mempertaruhkan gandingan hebat pelakon senior Eman Manan bersama Amerul Affendi, selain memperkenalkan wajah baharu, Iman Aneesa.

Zul Huzaimy berkata 3 Hajat hadir dengan sentuhan berbeza berbanding drama biasa.

Ketua Astro Shaw, Raja Jastina Raja Arshad turut yakin naskhah ini mampu memikat hati penonton.

Menariknya, filem ini turut diraikan menerusi Malam Gala Tayangan Diraja dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Muhammad Ismail ibni Sultan Mizan Zainal Abidin, Yang Di-Pertuan Muda Terengganu.

Filem 3 Hajat mengisahkan Awang (Eman Manan), seorang bekas banduan yang berdepan penyakit kronik dan muah menunaikan tiga hajat terakhir hidupnya bersama anak tunggalnya, Tawfiq (Amerul Affendi). Namun, hubungan itu penuh konflik kerana masing-masing masih dibayangi masa silam.

Dengan gabungan elemen sinematik, konflik emosi dan mesej kekeluargaan yang menyentuh hati, 3 Hajat antara filem drama paling dinanti tahun ini.

Generasi: Perfect 10 Angkat Kisah Cabaran Remaja Kejar Impian Jadi Atlet Gimnastik



Astro Originals tampil dengan sebuah karya terbaharu berjudul Generasi: Perfect 10 yang mengangkat kisah gadis remaja mengejar impian untuk bergelar atlet gimnastik profesional.

Siri tersebut mengisahkan watak utama Ezie, lakonan Arena Wan, yang sejak kecil meminati sukan gimnastik. Namun, perjalanan hidupnya berubah selepas kelab gimnastik sekolah ditutup sebelum dia nekad menyertai sebuah akademi sukan berprestij.

Selain Arena, drama arahan Sling Ng itu turut dibintangi Arabella Ellen, Sofia Jane, Ellyza Azizi, Daniel Fong, Sharifah Sakinah, Qi Razali dan Sherie Merlis. Legenda gimnastik negara, Farah Ann Abdul Hadi juga membuat penampilan khas selain bertindak sebagai penasihat siri tersebut.

Generasi: Perfect 10 turut menandakan kolaborasi bersama jenama susu Goodday Charge dalam usaha promosi bersama.

Saksikan Generasi: Perfect 10 setiap Jumaat, jam 12 tengah malam di On Demand serta jam 9 malam di Astro Ria (saluran 104) dan Astro Citra (saluran 108).

Penonton boleh menyaksikan drama ini secara eksklusif di Astro Ria, Astro Citra, Astro GO dan aplikasi sooka.

Muzikal Lawak Superstar 5 Tampilkan Pak Nil, Zizan Razak & Bella Astillah Sebagai Juri!

Astro kembali membawakan semula Muzikal Lawak Superstar (MLS), pentas pertandingan komedi paling hangat di Malaysia. Musim kelima ini tampil dengan tema terbaru penuh epik iaitu 'Clash Of Empire' dan bakal membuka tirainya pada 11 Oktober 2025.

Musim ini, 10 kumpulan 'empayar' bakal berentap dan setiap satunya dianggotai oleh tiga 'pahlawan'. Dari pelakon, penyanyi, pelawak sehingga ke pempengaruh. Malah MLS 5 ini juga turut menghimpunkan barisan personaliti dan bakat pelbagai warna di bawah satu bumbung termasuk wajah-wajah baru. Antaranya, Aziz M Osman, Zul Huzaimey, Naqiu, Norreen Iman dan Maryam Kimchi.

MLS5 sekali lagi akan dikemudi oleh pengacara televisyen ikonik tanah air, Datuk AC Mizal. Namun, kejutan terbesar musim ini terletak pada rombakan penuh barisan juri yang menampilkan wajah-wajah baharu iaitu pengacara versatil Datuk Aznil Hj. Nawawi (Pak Nil), pelawak dan pelakon popular Zizan Razak, bersama penyanyi dan pelakon wanita kesayangan ramai, Bella Astillah.

Bersiaran selama lapan minggu, saksikan MLS5 secara langsung bermula 11 Oktober depan, setiap Sabtu, jam 9.00 malam di Astro Prima (saluran 105). Penonton juga boleh menyaksikan kandungan eksklusif di sebalik tabir serta sebuah perjalanan yang pastinya tidak akan dilupakan apabila setiap empayar bangkit atau tumbang di pentas MLS5 melalui On Demand di Astro GO dan sooka.



Aisha Retno Terharu The Aisha Experience Full House!

Aisha Retno tidak dapat menahan sebak selepas melihat kehadiran peminat yang hadir ke showcasenya, The Aisha Experience yang berlangsung di Jio Space pada Sabtu lalu. Menurut Aisha atau nama sebenarnya Sharifah Aisha Retno Sayed Sipulijam, 25, penganjuran showcase ini adalah titik permulaan untuk dirinya dikenali lebih mendalam sebagai seorang artis.

Dalam pada itu, pemenang tempat ketiga Big Stage musim keempat ini turut menzhirkan penghargaan buat kelab peminatnya, Aishalicious, yang banyak memberi semangat untuk terus melangkah dalam dunia seni. Difahamkan, showcase anjuran LOL Asia itu berjaya menarik kehadiran lebih 1,000 peminat yang hadir memeriahkan The Aisha Experience.

Aisha tampil menyanyikan 20 buah lagu yang melonjakkan namanya seperti Jeda, Samudera, Terbang, Mengikat Jiwa, Pencarianku, Sutera dan Tak Adil, selain mempersembahkan lagu baharunya bersama Ade Govinda berjudul Semoga Saja. Showcase itu turut diserikan dengan kemunculan penyanyi jemputan seperti Liza Hanim, Aizat Amdan, Megat Fazly (Mafidz), Sya dan Lucidrari.

'Eternal Love, Timeless Romance' Jadi Ruang BCL Kongsi Duka, Bahagia & Cerita Cinta Bersama Peminat

Penyanyi terkenal Indonesia, Bunga Citra Lestari (BCL) memukau peminat menerusi konsert Eternal Love, Timeless Romance di ibu negara pada minggu lalu. Konsert yang berdurasi lebih kurang dua jam itu sarat emosi dan kisah hidupnya daripada cinta, kehilangan hingga keberanian memulakan hidup baharu.

Antara momen paling menyentuh hati ialah ketika BCL menyampaikan Wanita Terbahagia sebagai dedikasi buat arwah suaminya, Ashraf Sinclair, yang meninggal dunia pada 2020.

"Kehadiran Ashraf dan Noah menjadikan saya wanita paling bahagia. Semua perancangan kami terhenti selepas pemergiannya," katanya sebak.

Kini, BCL sudah bersedia membuka lembaran baharu selepas berkahwin dengan Tiko Aryawardhana pada Disember 2023.

"Lagu yang saya nyanyikan bukan untuk menangis, tetapi berkongsi kekuatan," ujarnya.

Konsert yang menghimpunkan 17 lagu termasuk Ingkar, Selalu Ada Di Nadimu dan Cinta Sejati itu menjadi simbol kekuatan seorang wanita untuk terus melangkah selepas kehilangan.





Rabbani Cipta Sejarah, Hampir 5,000 Penonton Hadir Ke Konsert Intifada

Rabbani mencipta sejarah peribadi apabila muncul dengan persembahan solo terbesar dalam konsert yang dihadiri hampir 5,000 penonton selepas hampir tiga dekad dalam industri seni muzik.

Konsert tersebut bermula pada jam 8.30 malam yang terdiri daripada anggota kumpulan Rabbani iaitu Azadan Abdul Aziz, Asri Ubaidullah, Zulkiflee Azman, Luqman Abd Aziz, Muhammad Rithauddeen, Mohamad Afandi Shahbudin dan Ahmad Shafie.

Selain paduan suara merdu kumpulan nasyid ini, konsert itu juga turut menampilkan penyanyi jemputan iaitu kumpulan nasyid Brothers, Yabang dan Aeydan.

Lebih menarik, Rabbani muncul dengan konsep yang berbeza dengan mendendangkan lagu-lagu popular seperti Initifada, Pergi Tak Kembali, Cari Pasangan, Handzalah dan banyak lagi.

Konsert ini turut menampilkan elemen universal yang dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat. Antaranya ialah persembahan lagu ikonik Intifada yang akan dibawa dengan susunan lagu yang baru, menekankan tema perjuangan, kebebasan dan kemanusiaan sejagat.

Visual multimedia bukan sahaja memaparkan isu Palestin, tetapi juga mesej keamanan dan penyatuan manusia di seluruh dunia. Selain itu, penonton juga dihiburkan dengan lagu-lagu ikonik dari vokalis utama Rabbani, Allahyarham Ustaz Asri Ibrahim yang merupakan tribute khas pada malam tersebut.

Yayasan Hasanah Tampilan Pameran Kesenian Tekstil Malaysia Di CIMB Artober 2025

Sebuah yayasan berdasarkan impak di bawah Khazanah Nasional, Yayasan Hasanah mengetengahkan seni kraf warisan Malaysia yang kian pupus dalam pameran CIMB Art & Soul Artober 2025. Pameran itu bagi membuka mata orang ramai terhadap keindahan dan nilai kesenian warisan yang masih subur dan relevan.

Ini merupakan penyertaan kali ketiga berturut-turut oleh Yayasan Hasanah dalam CIMB Artober sekaligus mencerminkan komitmen teguh yayasan untuk memperjuangkan warisan bukan sekadar sebagai memori, tetapi sebagai sebahagian daripada kehidupan harian.

Yayasan Hasanah turut memperkuuh ekosistem warisan menerusi inisiatif seperti Hasanah Gold Threads Awards (HGTA) yang meraikan keunggulan tekstil warisan negara, serta program fellowship bagi memperluaskan capaian dan kapasiti artisan ke peringkat antarabangsa.

Pameran ini berlangsung sejak 26 September hingga 28 September ini di Dewan 1, Gerai D9 di MITEC Kuala Lumpur.





Mdno
@dodosentoso 

4 Mitos Tentang Kesuburan Selepas Kahwin, Jangan Lagi Salah Faham!

Ramai Pasangan Yang Baru Berkahwin Pasti Pernah Ditekan Dengan Soalan, "Bila Nak Ada Anak?" Atau "Kenapa Belum Bunting Pelamin?". Hakikatnya, tidak semua yang orang percaya tentang kesuburan itu betul.

Pencipta kandungan, Muhammad Noor Zakaria Atau Mdno berkongsi empat mitos popular mengenai perkahwinan dan kehamilan yang sering disalah fahami masyarakat.

Jelasnya, ilmu asas tentang kesuburan sangat penting supaya pasangan tidak terlalu tertekan dan tahu apa yang normal serta apa yang tidak.

- Kahwin Terus Dapat Anak

Ramai menyangka selepas kahwin pasti akan hamil segera atau "bunting pelamin". hakikatnya, peluang untuk hamil setiap bulan hanyalah sekitar 20% hingga 25%. Jadi, tidak pelik jika selepas beberapa bulan masih belum ada rezeki anak. ia masih normal selagi tidak terlalu lama.

- Kerap Bersama Tingkatkan Peluang Hamil

Ada yang percaya semakin kerap hubungan intim, semakin besar peluang untuk mengandung. Menurut Mdno, ia tidak benar. kesuburan wanita bergantung pada waktu subur, biasanya sekitar hari ke-14 kitaran haid. Jika bersama terlalu kerap, kualiti sperma juga boleh menurun. yang penting ialah memilih waktu subur yang tepat.

- Jantina Anak Ditentukan Ibu


Ramai menyalahkan isteri apabila hanya melahirkan anak lelaki atau perempuan. faktanya, jantina anak ditentukan sepenuhnya oleh sperma ayah. Ovum wanita hanya membawa kromosom X, manakala sperma lelaki membawa kromosom x atau y. jika sperma X bertemu ovum → anak perempuan (XX). jika sperma Y bertemu ovum → anak lelaki (XY).

- Masalah Kesuburan Hanya Salah Perempuan

Mitos paling biasa ialah bila pasangan sukar dapat anak, wanita terus dipersalahkan. mdno menegaskan, lelaki juga menyumbang besar kepada isu ketidaksuburan. Malah, kajian menunjukkan 60% sampel sperma lelaki yang diuji di makmal tidak normal, sama ada dari segi bentuk, pergerakan atau jumlah. Kehebatan atau kemampuan lelaki tidak menjamin kesuburan. Yang penting ialah kualiti sperma itu sendiri.

Mdno juga mengingatkan agar masyarakat lebih terbuka menerima fakta sebenar mengenai kesuburan. Tekanan terhadap wanita semata-mata hanya menambah beban emosi.





Budi95: Cheap Fuel With Just Your MyKad

Starting 30 September, Malaysians aged 16 and above with a valid driving license and a functioning MyKad can enjoy subsidized RON95 fuel at RM1.99 per litre under the new Budi95 scheme.

To claim the subsidy, users must verify their MyKad at the pump or through the related app. Each individual is entitled to up to 300 litres per month (excluding e-hailing drivers who are not subject to this limit).

The claim and payment process remains the same, with MyKad verification added as an extra step.




MAS Makes History with All-Women Flight

Malaysia Airlines (MAS) recently made history with Flight MH2610 from Kuala Lumpur to Kota Kinabalu, which was managed and operated entirely by women from start to finish.

The milestone flight highlighted the significant role of women across the aviation industry, with female staff handling ground operations such as check-in counters, engineering, and security, while the cabin crew and even the cockpit were led by women.

The achievement not only marks an empowering moment for MAS but also showcases the growing presence and contribution of women in what has traditionally been a male-dominated field.



Homeless Woman Rejects Food, Sparks Debate

In two viral TikTok videos, a woman distributing donated chicken tenders to homeless people in Chow Kit, Kuala Lumpur, had a tense encounter when one homeless woman named Hawa became upset after her request wasn't met.

The donor said Hawa asked for two packs—one for her kittens—but couldn't be given because others needed aid too. Hawa reportedly threw away the food in anger and yelled at the donor.

The incident sparked debate online, with Malaysians questioning whether continued food donations are effective, and some suggesting support should shift toward providing jobs and long-term aid instead of just free meals.